

# UPM dominasi pengiktirafan TRSM 2012

**Serdang:** Seramai 12 penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli pengiktirafan Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM) 2012 dalam majlis Pemberian Felo Akademi Sains Malaysia & Pengumuman TRSM.

Felo kehormat ASM, Tun Abdullah Ahmad Badawi berharap TRSM Database yang menjadi titik keutamaan negara bagi kepakaran saintifik berkaliber tinggi akan meningkat.

"Negara memerlukan lebih ramai pakar dan saintis dalam memastikan pelaburan berjaya dalam penyelidikan dan pembangunan serta inovasi teknologi," katanya.

Turut hadir dalam majlis itu Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Penyelidik UPM itu ialah Prof Madya Dr Badlishah Sham

Baharin daripada Fakulti Sains & Teknologi Makanan; Prof Dr Lai Oi Ming (Fakulti Bioteknologi & Sains Biomolekul); Prof Datuk Dr Mohamed Shariff Mohamed Din (Fakulti Perubatan Veterinar); Prof Dr Mohd Adzir Mahdi (Fakulti Kejurute-

raan) dan Prof Dr Mohd Zobir Hussein (Fakulti Sains).

Prof Datuk Dr Nik Muhammad Nik Ab Majid (Fakulti Perhutanan); Prof Dr Rahinah Ibrahim (Fakulti Reka Bentuk & Seni Bina); Prof Dr Tan Soon

Guan (Fakulti Bioteknologi & Sains Biomolekul); Prof Dr Tan Wen Siang (Fakulti Bioteknologi & Sains Biomolekul); Prof Dr Zulkifli Idrus (Fakulti Pertanian); Prof Dr Mohd Basyaruddin Abdul Rahman (Fakulti Sains) dan Prof Dr Mohd Hair Bejo

(Fakulti Perubatan Veterinar).

Mereka antara 27 penerima TRSM dalam majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre.

## Kriteria pemilihan

Pemilihan TRSM berdasar

kepada saintis bekerja di Malaysia yang cemerlang dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) serta diiktiraf pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Selain itu, penerima juga perlu terbabit secara aktif dalam penyelidikan dalam tempoh lima tahun lalu dengan sumbangan sekurang-kurangnya 10 tahun kumulatif ke arah kemajuan STI.

Dalam majlis berprestij itu Akademi Sains Malaysia (ASM) turut mengumumkan tiga Felo Kanan dan 24 Felo baru Saintis Malaysia antaranya Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof Datin Dr Faridah Hanum Ibrahim; Pengarah Putra Science Park, Prof Datuk Dr Mohamed Shariff Mohamed Din dan Pengarah Institut Penyelidikan Matematik, Prof Datuk Dr Kamel Ariffin Mohd Atan.



*Semua penerima TRSM bergambar bersama-sama Abdullah.*